

## **KENYATAAN MEDIA**

### **SWM ENVIRONMENT SUMBANG 1,250 BARANGAN ELEKTRIK KEPADA MANGSA BANJIR DI NEGERI SEMBILAN**

---

**SEREMBAN, 18 Februari 2022** – SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) menerusi tanggungjawab sosial korporat ‘SWM Kasih’ telah meneruskan inisiatif syarikat dalam membantu mangsa-mangsa bencana banjir dengan menyalurkan sumbangan berupa barangan elektrik kepada hampir 1,250 buah keluarga yang terkesan akibat bencana banjir di Negeri Sembilan.

Ketua Pegawai Eksekutif, SWM Environment Sdn Bhd, Ho De Leong berkata, secara keseluruhan sebanyak RM750,000 telah diperuntukkan dalam misi bantuan pasca banjir pada kali ini yang melibatkan tiga buah negeri iaitu Negeri Sembilan, Melaka dan Johor dengan sasaran penerima bantuan seramai 3,050 buah keluarga.

“SWM Environment selaku syarikat konsesi bagi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam bagi negeri-negeri di wilayah Selatan Semenanjung Malaysia, adalah menjadi tanggungjawab kami untuk bersama-sama pihak kerajaan negeri dalam membantu meringankan beban dan kesusahan rakyat Malaysia yang terkesan akibat bencana alam besar seperti ini. Justeru, sebanyak 1,250 barangan keperluan elektrik asas seperti peti ais, periuk nasi serbaguna, kipas meja, pengisar makanan dan dapur gas dua tungku akan disalurkan kepada semua keluarga mangsa banjir di Negeri Sembilan”.

“Pihak syarikat turut menyumbangkan 250 buah mesin air bertekanan tinggi (*water jet*) kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi berkaitan bagi memudahkan mereka untuk membantu orang ramai sekiranya berlaku bencana banjir pada masa akan datang.” katanya.

Tambahnya lagi, pihak syarikat telah bekerjasama dengan Jawatankuasa Bencana Negeri dan Pihak Kerajaan Negeri bagi membantu mengenal pasti keluarga yang terkesan teruk akibat banjir dan seterusnya melancarkan proses pengagihan barangan elektrik tersebut. Pengagihan barangan elektrik di Negeri Sembilan pada hari ini melibatkan seramai 1,250 buah keluarga yang layak dari lapan (8) daerah iaitu Seremban, Nilai, Kuala Pilah, Jelebu, Jempol, Rembau, Tampin dan Port Dickson.

Majlis penyerahan sumbangan telah diwakili oleh Pengurus Besar Korporat, SWM Environment Sdn Bhd, Tuan Haji Mohd Norlisam Bin Mohd Nordin bagi menyerahkan sumbangan barangan elektrik kepada Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun untuk diagihkan kepada Ketua Isi Rumah (KIR) yang memerlukan mengikut daerah di Negeri Sembilan.

Sejak dari awal bencana banjir dilaporkan, SWM Environment telah tampil melancarkan operasi pembersihan dan kutipan pasca banjir di beberapa kawasan yang terjejas di sekitar Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Selangor. Pelbagai bentuk bantuan telah disalurkan sebagai usaha

syarikat untuk membantu mangsa-mangsa banjir dengan menggerakkan anggota barisan hadapan, jentera dan sumber bagi memulihkan keadaan dengan secepat mungkin.

“Di Negeri Sembilan, SWM Environment telah menggerakkan lebih 266 anggota dan 102 jentera bagi keseluruhan operasi yang meliputi (19) buah tong RoRo (Roll-On, Roll-Off) berkapasiti 16 tan, (15) buah tong RoRo (Roll-On, Roll-Off) berkapasiti 5 tan, (25) lori terbuka (tipper) berkapasiti 5 tan, (17) buah jentera air bertekanan tinggi (Water Jet), (11) jentera jengkaut, (9) jentera ultra whack vacuum cleaner, (5) kenderaan 4x4 trak pick-up dan (1) buah tong RoRo (Roll-On, Roll-Off) berkapasiti 18 tan bagi melakukan operasi pembersihan di sekitar kawasan kediaman mangsa-mangsa banjir serta kutipan sisa banjir untuk dibawa ke tapak pelupusan bermula dari 19 Disember 2021 sehingga pertengahan Januari 2022”.

SWM Environment akan terus memberi kerjasama kepada pihak berwajib dalam membantu mangsa-mangsa banjir agar dapat memenuhi keperluan harian mereka dan seterusnya membolehkan mereka menjalani kehidupan seperti sediakala dengan segera.

**-TAMAT-**

## **MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.**

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: [www.swmenvironment.com](http://www.swmenvironment.com).

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Apple App Store* dan *Google Play Store*. Sila layari laman web: [www.kitarecycle.com](http://www.kitarecycle.com) untuk mendapatkan maklumat lanjut.

**Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:**

**Mohd Norlisam bin Mohd Nordin**

Pengurus Besar Korporat

SWM Environment Sdn. Bhd.

Tel : 03 – 2788 9200

E-mel : [norlisam.nordin@swmsb.com](mailto:norlisam.nordin@swmsb.com)